

Parlimen: Malaysia Komited Bantu Sudan Selatan Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi, Modal Insan
Bername
11 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Malaysia sentiasa komited membantu Sudan Selatan dalam pembangunan sosio-ekonomi, yang secara tidak langsung boleh meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara, kata Timbalan Menteri Luar A. Kohilan Pillay.

Beliau berkata Malaysia juga terus membantu Sudan dalam bidang pembinaan keupayaan melalui kursus dan latihan melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dalam aspek modal insan dan pembangunan keupayaan.

Sehingga Jun lepas, 11 pegawai kerajaan Sudan Selatan diberi latihan dalam pelbagai bidang di bawah MTCP, katanya pada persidangan Dewan Negara di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Roslin Abdul Rahman yang ingin tahu sama ada kerajaan Malaysia telah memulakan aktiviti diplomatik dengan Republik Sudan Selatan setelah perpecahan negara itu sejak setahun lepas.

Kohilan berkata kedua-dua negara bersetuju mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) bagi membolehkan agensi terbabit menjalankan aktiviti untuk faedah bersama.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679704>